

17. INFECTIVE INDIVIDUAL COPING

Diagnosa Kejururawatan

Penyesuaian diri individu kurang berkesan berkaitan dengan tekanan perasaan yang teramat sangat.

Data Objektif

Pesakit didapati mengalami kemurungan

Data Subjektif

Semasa menemubual, pesakit memberitahu beliau tidak dapat mengatasi masalahnya.

Objektif:

Pesakit dapat menyesuaikan diri dan boleh mengatasi masalah dengan lebih berkesan

Tindakan Kejururawatan

1. Buat penilaian terperinci terhadap tekanan perasan yang dialami oleh pesakit dan kenal pasti apakah faktor-faktor penyebab atau pun punca terjadinya tekanan perasaan, termasuklah amalan konsep peribadi yang negatif yang tidak boleh diterima oleh orang lain. Kekurangan kemahuan untuk menyelesaikan masalah kesedihan atau kehilangan sesuatu yang disayangi.

Rational: Dapat mengetahui, punca-punca kemurungan pesakit.
2. Nilaikan tahap perkembangan dan keupayaan pesakit untuk mengenal pasti akan kebolehannya untuk mengendalikan kebimbangannya.
3. Perhatikan dan kawal selia tingkah laku pesakit. Perhatikan segala aduan yang dikemukakan berhubung dengan gangguan fizikalnya. Nyatakan segala kekurangan yang terdapat daripada kelakuannya kognitifnya dan manifestasi kebimbangan fizikal.
4. Berikan pesakit maklumat yang mencukupi dan beri arahan berhubung dengan teknik penyelesaian masaalah yang boleh mengurangkan tindak balas negatif dan bertindak dengan spontan terhadap ransangan situasi kebimbangan. Sebagai contoh arahkan pesakit untuk mencatatkan semua peristiwa yang menjadikan dia rasa sedih dan kebimbangan.
5. Bantu pesakit untuk membuat aktiviti sehari-hari yang berterusan bersama-sama. Semua ahli kumpulan yang memberi rawatan kepada pesakit hendaklah berganding bahu untuk memberi penerangan secara berkelompok sesama keluarga.
6. Memberi khidmat kaunseling bagi menggalakkan pesakit meluahkan tekanan perasaan.

7. Memberi ubatan antidepresant atau atau ubat penenang yang
8. diarahkan oleh Doktor bagi mengawasi keadaan dan gangguan emosinya. Seperti tab. Cabamazapine yang diarahkan oleh Doktor. Lapurkan kesan sampingan antidepresant jika ada.

Penilaian semula sebelum tugas shif untuk memberitahu perkembangan pesakit supaya jagaan perawatan berterusan dapat diberikan oleh stf yang menyambung tugas untuk terus mengawasi keselamatan pesakit.

Penilaian

Selepas jagaan perawatan pesakit diberi pesakit lebih kelihatan lebih tenang, berkenyakinan dan dapat menyesuaikan diri dalam aktiviti sosial, kumpulan dan kumuniti.